

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	13 May 2015

Tun Mahathir dicabar kemuka bukti isu 1MDB

BH
13/5/2015

Petaling Jaya: Tun Dr Mahathir Mohamad dicabar mengemukakan bukti mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), bukan semata-mata melempar tuduhan melulu melalui blognya hingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat.

Bekas Naib Presiden Transparency International (TI), Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim, berkata berikutan tuduhan tidak bertanggungjawab dan tidak beretika bekas Perdana Menteri itu, menyebabkan Kabinet mengarahkan Ketua Audit Negara menjalankan siasatan.

"Dr Mahathir banyak membuat tuduhan 1MDB korup dan bersalah tetapi sehingga kini tiada bukti (dikemukakan), hanya artikel yang disiarkan. Dr Mahathir sebagai bekas pemimpin negara yang mempunyai sejarah mengkagumkan, perlulah menjaga dirinya dan tidak merosakkan diri hanya kerana isu 1MDB.

Tampilkan bukti tuduhan

"Saya berkeyakinan bahawa 1MDB tidak bersalah, keyakinan itu berdasarkan hati saya yang memperjuangkan usaha memerangi rasuah sejak sekian lama. Selagi tidak ada bukti kukuh, jangan menuduh saja... tampilkan bukti kerana rakyat mahukannya," katanya di sini, semalam.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyatakan pendirian untuk tidak akan tunduk terhadap tekanan mana-mana pihak, termasuk Dr Mahathir yang mahu beliau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO berikutan pelbagai isu terutama berkisar kepada 1MDB.

Mengenai isu Bank Swiss di Singapura, Tunku Abdul Aziz yang juga bekas Naib Presiden DAP berkata, Dr Mahathir perlu mengemukakan surat yang mengatakan bank terbabit menafikan bahawa wang sudah didepositkan oleh 1MDB.

"Surat itu cukup untuk menjadi bukti kukuh bahawa tuduhan Dr Mahathir dalam isu 1MDB adalah benar. Janganlah asyik meminta bukti daripada orang lain sedangkan diri sendiri tidak mempunyai bukti kukuh melainkan hanya tuduhan semata-mata," katanya.

Buka semula siasatan

Beliau juga mencabar Dr Mahathir supaya meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka semula siasatan terhadap kes anaknya, Mirzan dalam isu penjualan syarikat perkapalan kepada PETRONAS membabitkan nilai 15 kali ganda lebih tinggi daripada harga pasaran.

"Semua orang tahu bahawa beliau adalah Perdana Menteri merangkap Penasihat PETRONAS (ketika itu) dan dakwaan kononnya Mirzan terpaksa menjual syarikatnya adalah tidak benar kerana PETRONAS yang dipaksa membeli syarikat perkapalan berkenaan.

"Ketika itu, beliau (Dr Mahathir) adalah Perdana Menteri. Bukankah ia satu penyalahgunaan kuasa? Adakah tindakan memecat Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana beliau tidak mahu bekerjasama dalam hal yang tidak beretika itu," katanya.